



Yayasan Waqaf Malaysia

KENYATAAN MEDIA

PEMBANGUNAN HOSPITAL PAKAR PATUH SYARIAH BERCIRIKAN WAKAF PERTAMA DI MALAYSIA

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Highfield Healthcare Sdn. Bhd. hari ini telah melakar sejarah baharu melalui Majlis Pecah Tanah Pembangunan Hospital Pakar Patuh Syariah Bercirikan Wakaf Pertama di Malaysia. Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, bersama-sama YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM.

Majlis ini menandakan permulaan inisiatif nasional bagi memperkasa sektor kesihatan bercirikan wakaf, sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, nilai ihsan dan keberdayaan rakyat melalui pembangunan yang seimbang antara fizikal dan rohani. Dalam masa yang sama, ia turut mendukung agenda Transformasi Al-Falah yang menjadi tonggak hala tuju agensi agama di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi melahirkan masyarakat yang sejahtera, berdaya tahan serta dipandu oleh nilai agama dan akhlak mulia.

Menurut YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im menerusi ucapannya, **hospital ini akan dilengkapi dengan kemudahan mesra ibadah seperti ruang solat, panduan ibadah pesakit, kemudahan tayamum, sokongan kerohanian, serta al-Quran digital** di setiap wad. Ia bakal menawarkan pengalaman rawatan yang bukan sahaja berfokus kepada kesihatan fizikal, tetapi juga kesejahteraan rohani, sekaligus mengangkat maqasid syariah dalam aspek penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*). Tambah beliau, projek ini selari dengan aspirasi Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) yang menyasarkan agar wakaf menyumbang 10% kepada sektor kewangan sosial Islam menjelang tahun 2030.

YWM akan memperluaskan model projek ini ke setiap negeri di Malaysia dengan matlamat membangunkan rangkaian hospital pakar, pusat dialisis

serta pusat rehabilitasi berasaskan wakaf di masa hadapan. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem wakaf tetapi turut meningkatkan akses kesihatan berkualiti yang akhirnya akan menyumbang kepada kesejahteraan rakyat. **YB Senator turut mengalu-alukan penglibatan dan sokongan daripada semua pihak agar hasrat ini dapat direalisasikan.**

Majlis pecah tanah ini menjadi simbolik kepada bukti kesungguhan Kerajaan MADANI dalam memperkukuhkan ekosistem wakaf nasional kearah merealisasikan negara yang berdaya maju, terampil, dan inklusif melalui pendekatan yang berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang menjamin kesejahteraan rakyat.

-TAMAT-

**Yayasan Waqaf Malaysia
30 September 2025**

Maklumat Yayasan Waqaf Malaysia (YWM)

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf, sila layari www.ywm.gov.my

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan
Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my